

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 30

Penduduk mohon jajaran baharu MRT3

Penduduk mohon jajaran baharu MRT3

Cadangan jajaran baharu dibuat tanpa libatkan perobohan rumah penduduk

Oleh NORAFIZA JAAFAR
AMPANG

Keresahan sebahagian penduduk Taman Bakti dan Taman Kencana yang didakwa terlibat dalam perobohan rumah bagi memberi laluan kepada projek Transit Aliran Massa 3 (MRT3) di Pandan di sini, dijangka selesai melalui cadangan jajaran baharu.

Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli berkata, pihaknya akan mengatur pertemuan bersama pihak MRT dan pihak berkuasa berkaitan dalam tempoh dua minggu bagi menyuarakan pandangan berhubung perkara itu.

Menurut Rafizi, isu itu dibangkitkan penduduk sebelum Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dan beliau berpendirian alternatif jajaran baharu mammu menyelesaikan permasalahan tersebut.

"Angka rumah terlibat belum dapat dipastikan kerana maklumat yang diperoleh adalah berbeza-beza tetapi jumlahnya mungkin menccah ribuan penduduk yang telah tinggal di sana antara 30 hingga 40 tahun.

"Penduduk cadangkan alternatif



ASLIN



Rafizi dalam sesi dialog awam Pandan di Auditorium MPAJ, Ampang pada Jumaat.

jajaran dan saya pasti ada jajaran lain yang boleh dibuat tanpa libatkan perobohan rumah. Ini yang akan saya bangkitkan melalui pertemuan yang bakal diadakan minggu depan atau dua minggu lagi," katanya selepas Dialog Awam Pandan di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada Jumaat.

Tambahnya, sesi rundingan yang diadakan itu diharap dapat 'mengharmonikan' isu projek MRT3 antara penduduk dengan pengendali projek.

"Secara tidak rasmi, saya sudah suarakan berhubung jajaran baharu itu kepada Menteri Pengangkutan,

Anthony Loke dan surat rasmi akan diserahkan bagi menyatakan pendirian saya sebagai Ahli Parlimen Pandan supaya sebarang jajaran tidak akan melibatkan pengambilan rumah penduduk.

"Keputusan berhubung perkara itu akan saya maklumkan kepada penduduk selepas pertemuan dengan pihak MRT selesai," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Taman Bakti, Aslin Bahar, 38, meluahkan rasa lega apabila isu MRT3 dijangka dapat diselesaikan tanpa melibatkan perobohan rumah penduduk.

"Jika mahu projek diteruskan, kebijakan penduduk perlu dijaga termasuk gantian rumah baharu yang selesa sekitar Ampang," ujarnya.